



## Matrix Duathlon tarik penyertaan 1,000 peserta

SERAMAI kira-kira 1,000 orang termasuk dari luar negara seperti Australia, Jepun, Singapura dan United Kingdom menyertai acara Matrix Duathlon yang diadakan di d' Tempat Country Club, Bandar Sri Sendayan, Seremban, baru-baru ini.

Program yang menggabungkan acara larian dan berbasikal itu dianjurkan oleh dianjurkan oleh syarikat pemaju harta tanah, Matrix Concepts Holdings Berhad (Matrix Concepts).

Ketua Pegawai Eksekutif Matrix Concepts, Chai Keng

Wai berkata, pengajuran acara tersebut adalah sebagai usaha tanggungjawab sosial korporat yang secara tidak langsung dapat menyemarakkan semangat perpaduan selain dapat membentuk masyarakat dinamik dan berdaya saing.

Menurutnya, acara berkenaan dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Sembilan, Mustapha Nagoor.

■ MUSTAPHA Nagoor (baris

dua, 10 dari kiri) dan Chai Keng Wai (baris dua, sebelas dari kiri) bergambar bersama pemenang dan peserta acara Matrix Duathlon yang diadakan di d' Tempat Country Club, Bandar Sri Sendayan, Seremban, baru-baru ini.